

05/08/2002

Misi kemanusiaan dari Malaysia dihargai

MISI Keamanan Sejagat (MKS) Malaysia yakin mampu mengendalikan misi kemanusiaan di Afghanistan, Pakistan dan Azad Jammu Kashmir berikutan reaksi positif pemimpin negara itu hasil lawatan salam perkenalan organisasi itu.

Ketepikan soal birokrasi, protokol atau kemungkinan MKS Malaysia dikritik kerana bertindak lebih dulu daripada agensi lain mahu pun kerajaan. Apa yang lebih difikirkan oleh pertubuhan itu sebenarnya untuk menghulurkan bantuan kecemasan segera kepada pelarian Islam atas nama kemanusiaan.

Pengerusi MKS Malaysia, Ahmad Azam Abdul Rahman, mengakui lawatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu mungkin disalah erti atau lebih teruk dikatakan mendahului saluran rasmi kerajaan dengan bertindak berani menemui pemimpin Afghanistan dan Azad Jammu Kashmir.

Memang benar Ahmad Azam sebenarnya menjadi wakil negara ini untuk bertemu dengan pemimpin tertinggi Afghanistan. Malah, rombongan MKS Malaysia sebenarnya dijadualkan bertemu Presiden Afghanistan, Hamid Karzai ketika berkunjung ke Kabul. Bagaimanapun, niat MKS Malaysia bertemu Karzai tidak dapat dipenuhi berikutan pemimpin itu sibuk dengan tugasnya, lebih-lebih lagi dengan kematian Naib Presiden, Abdul Qadeer.

Ahmad Azam juga bertemu Perdana Menteri Azad Jammu Kashmir, Sardar Sikander Hayat Khan ketika berada di Muzaffarabad.

"Saya amat berharap mereka (pemimpin tertinggi Afghanistan dan Azad Jammu Kashmir) tidak menerima lawatan saya sebagai lawatan seorang ketua negara.

"Saya datang atas tiket NGO dan ini perlu dijelaskan selalu," katanya setiap kali mahu mengunjungi anggota Kabinet kerajaan baru Afghanistan mahu pun Azad Jammu Kashmir.

Ahmad Azam berkata, beliau tidak risau memikirkan kemungkinan ada pihak memberi tafsiran salah terhadap niatnya mengunjungi pimpinan tertinggi Afghanistan dan Azad Jammu Kashmir kerana baginya seseorang perlu memulakan usaha membantu pelarian Afghan mahupun Azad Jammu Kashmir yang lari daripada kekejaman tentera India.

"Saya yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad faham dengan niat MKS Malaysia. Saya mungkin akan membuat laporan mengenai hasil lawatan ini untuk dikemukakan kepada Dr Mahathir," katanya yang bersungguh-sungguh mahu menjayakan agenda MKS Malaysia dan amanah penderma.

Ahmad Azam berkata, MKS Malaysia mula diiktiraf di Afghanistan dan Pakistan, malah pemimpin kedua-dua negara mula memberi keyakinan kepada organisasi itu untuk menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada pelarian negara terbabit.

Beliau berkata, MKS Malaysia memberi penjelasan terperinci kepada pimpinan Afghanistan, Pakistan dan Azad Jammu Kashmir mengenai perancangan organisasi itu untuk membantu pelarian terutama dalam aspek memberi pendidikan dan kemudahan asas di setiap kem yang dipilih.

Ahmad Azam berkata, Kerajaan Afghanistan memberi reaksi positif terhadap misi kemanusiaan MKS Malaysia, malah mahu organisasi itu didaftarkan di Kementerian Perancangan Afghanistan supaya lebih banyak projek kemanusiaan dapat disalurkan kepada Malaysia.

"Saya amat terharu dengan sokongan Kerajaan Afghanistan. Harapan mereka tinggi supaya misi kemanusiaan diteruskan di negara itu," katanya yang

pertama kali memperkenalkan logo MKS Malaysia kepada pimpinan tertinggi Afghanistan.

Ketika di Kabul, anggota MKS Malaysia menemui empat Menteri Kabinet Afghanistan, termasuk Pemangku Menteri Luar, Rahim Shirzai.

Ahmad Azam berkata, MKS Malaysia berpuas hati pelbagai projek terutama klinik kem pelarian Hesar Shahi kira-kira 15 kilometer dari Jalalabad berjaya memberi manfaat kepada pelarian.

"MKS Malaysia kagum kerana klinik yang dibiayai dengan peruntukan RM80,000 setahun itu adalah klinik terbaik di kem pelarian itu dengan pelbagai kemudahan termasuk wad bersalin dan makmal," katanya.

Beliau berkata, fasa kedua bantuan kemanusiaan membabitkan sumbangan penderma sebanyak RM300,000 akan disalurkan tidak lama lagi.

"Kita menjangka bantuan fasa kedua akan menyaksikan lebih ramai pelarian Afghanistan dan Kashmir mendapat bantuan tangki air dan kemudahan sanitasi," katanya.

Ahmad Azam berkata, MKS Malaysia mahu memberi tumpuan kepada aspek pendidikan dan kesihatan di kem pelarian, selain memulakan usaha menawarkan kemudahan pinjaman kewangan menerusi skim 'kredit makro' kepada pelarian.

"Kita akan mengkaji kesesuaian melaksanakan skim 'kredit makro' terutama di kawasan penempatan pelarian yang mencapai tahap memuaskan dengan banyak kegiatan ekonomi.

"Pelarian akan dibantu menjalankan perniagaan kecil-kecilan dan menternak kambing, menjual barangan runcit atau menjadi tukang jahit serta diberi pembiayaan kewangan pada kadar bayaran balik rendah," katanya.

MKS Malaysia merayu lebih ramai rakyat tempatan dan sektor korporat memberi sumbangan kepada tabung misi itu supaya lebih banyak bantuan dapat disalurkan kepada pelarian di Pakistan, Afghanistan dan Azad Jammu Kashmir.

MKS Malaysia dianggotai 76 NGO termasuk dari pertubuhan bukan Islam yang simpati dengan nasib pelarian Afghanistan.

MKS Malaysia ditubuhkan pada 26 September 2001 dan pejabat operasinya turut dibuka di Peshawar, Pakistan. Setakat ini, bantuan lebih RM1 juta yang diperoleh melalui majlis makan malam amal dan penderma sudah disalurkan kepada pelarian Afghanistan.